

17/06/1999

Taklimat Presiden penuh semangat

KUALA LUMPUR, Rabu - Perwakilan Umno yang menghadiri Taklimat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, keluar dari Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini dengan semangat untuk mempertahankan keutuhan parti.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata suasana dalam dewan lebih segar dan perwakilan bersemangat mendengar taklimat Presiden.

"Saya menjangka suasana Perhimpunan Agung yang dimulakan dengan persidangan Pemuda dan Wanita esok akan menumpukan perhatian kepada usaha memperbetulkan pemahaman ahli selepas pelbagai tohmahan dan fitnah dilemparkan parti pembangkang," katanya selepas taklimat selama dua jam itu.

Beliau menjangka perbahasan dalam persidangan tiga hari itu lebih hangat berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Menurutnya, perwakilan juga mungkin menyentuh beberapa isu yang dianggap sensitif tetapi ia lebih menjurus kepada pengukuhan parti dalam menghadapi cabaran pilihan raya tidak lama lagi.

"Selama ini kita hanya mengambil sikap tolak ansur dan mempertahankan diri, tetapi pada perhimpunan ini, setiap tohmahan dan fitnah akan kita jawab satu persatu," katanya.

Mohd Khalil yang dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno bulan lalu menggantikan Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata, sebagai `orang baru' beliau berpuas hati dengan persediaan bagi perhimpunan ke-53 ini.

"Kita membuat beberapa pendekatan baru dan bersedia untuk menghadapi cabaran selama empat hari akan datang.

"Secara keseluruhan, saya berasa puas hati terutama hasil kerja semua kakitangan (urusetia Umno) serta pekerja sukarela. Saya gembira kerana dapat berkhidmat untuk parti," katanya.

(END)